

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah defisit/lebihan Bajet, jumlah hutang, tunggakan dan jenis hutang oleh setiap Kerajaan negeri sejak 2008 dan adakah satu sistem insentif akan diberikan kepada Kerajaan negeri yang berjaya kurangkan hutang ataupun berjaya mencatatkan lebihan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan kewangan setiap Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti di **Lampiran A**

manakala jumlah hutang bagi setiap Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2015 adalah seperti di **Lampiran B**.

Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bertujuan membiayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek bekalan air, perumahan awam kos rendah (PAKR), industri dan lain-lain lagi projek pelbagai. Projek-projek ini merupakan usaha Kerajaan yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Pada masa ini, tiada insentif diberikan kepada Kerajaan Negeri yang berjaya mengurangkan hutang kepada Kerajaan Persekutuan ataupun mencatatkan lebihan peruntukan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SIM CHEE KEONG
DARIPADA [BUKIT MERTAJAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada permohonan untuk bangunan tambahan SRJKC Permatang Tinggi Bukit Mertajam yang tertunda lebih lapan tahun sudah diluluskan untuk Rolling Plan ke-1 Rancangan Malaysia Ke-11. Jika ya, bila perlaksanaan pembinaan, jika tidak, mengapa dan bila akan diluluskan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Permohonan SJKC Permatang Tinggi, Bukit Mertajam tidak diluluskan dalam RP1 RMKe-11. Permohonan akan dikemukakan semula pada *Rolling Plan* yang akan datang dan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.